

Noor
Mohamad
Shakil
Hameed



teringat kepada peribahasa yang agak signifikan dengan insiden seperti ini iaitu hujan emas di negara orang, lebih baik hujan batu di negara sendiri.

Mungkin tawaran gaji yang agak lumayan menjadi daya tarikan utama yang mendorong ramai rakyat kita berhijrah ke Australia atau mana-mana negara luar untuk bekerja walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, halangan dan risiko. Betul duit itu penting untuk kelangsungan hidup, namun kita juga perlu ingat betapa duit bukan segala-galanya. Janganlah menjadi hamba duit kerana sudah jelas tawaran pendapatan yang tinggi di negara luar tidak pernah menjamin dan menjanjikan sebarang bentuk keeselesaian, kebahagiaan dan keselamatan yang berpanjangan mahupun berkekalan.

Dalam hal ini penulis bertanya-tanya apakah berbaloi untuk kita memperjudikan keselamatan dan maruah kita dan seolah-olah sanggup menjadi pelarian mahupun pendatang asing tanpa izin di negara orang hanya kerana sogokan gaji yang kononnya lumayan, tetapi akhirnya terperangkap dan menjadi hamba. Akhirnya bila terjerat dan ditangkap seperti ini apa kesudahannya? Jadi penulis harap rakyat kita akan fikir masak-masak sebelum terpicat dan membuat keputusan terburu-buru untuk bekerja di luar negara terutama di tempat yang agak mencurigakan seperti di ladang di Australia yang tidak pernah sunyi dari pelbagai kontroversi selama ini. Cukup-cukuplah apa yang telah menimpa rakan-rakan kita yang lain, jangan kita turut terjebak dan menjadi mangsa berikutnya.

Kepada rakyat kita yang masih berada di Australia terutama yang masih bekerja di ladang ambillah iktibar dan carilah jalan untuk segera kembali ke tanah air sebelum terjadi apa-apa yang tidak diinginkan seperti ini. Kita tidak mahu rakyat kita terus menjadi mangsa buruan pihak berkuasa Australia. Ianya bukan saja memalukan diri dan keluarga malah negara kita secara keseluruhannya.

Ironinya marilah kita fikir

teringat kepada peribahasa yang agak signifikan dengan insiden seperti ini iaitu hujan emas di negara orang, lebih baik hujan batu di negara sendiri.

Penulis agak terkesan dengan insiden 12 orang rakyat kita yang diberkas oleh Pasukan Sempadan Australia (ABF) baru-baru ini kerana dikatakan bekerja secara haram di sebuah ladang strawberi di Southern Queensland, Australia. Semua suspek ditahan atas kesalahan tinggal melebihi tempoh visa ditetapkan dan melanggar syarat visa negara tersebut.

Kejadian ini terus mencetuskan pelbagai persoalan kerana ini bukan kali pertama isu rakyat kita bekerja di ladang Australia mencetuskan kekecohan dan menarik perhatian khalayak. Misalnya beberapa laporan pihak media sebelum ini pernah mendedahkan betapa ribuan rakyat Malaysia bekerja di ladang di Australia. Apa yang lebih menyedihkan dan menghairankan ialah laporan pendedahan itu juga menunjukkan rakyat kita banyak tertipu dan dijerat oleh sindiket tertentu. Mereka didapati teraniaya dan terjat dalam sistem perhambaan era moden akibat manipulasi pihak tertentu yang mengaut keuntungan dengan menipu warga asing yang mengharapkan gaji lumayan bekerja di ladang di Australia.

Justeru kejadian terbaru ini sekadar mengesah dan mengiyakan segala laporan yang didedahkan sebelum ini. Ini juga menunjukkan rakyat kita masih belum serik dan tidak ambil iktibar. Secara prinsipnya kita mungkin tidak begitu terkejut dengan tangkapan ini, namun kejadian seumpama ini wajar membuka mata semua pihak supaya kita dapat melakukan sesuatu bagi membetulkan situasi seperti ini agar ianya tidak lagi berulang ataupun ringkasnya kita tidak mahu ada lagi rakyat kita terus menjadi mangsa keadaan. Seboleh-bolehnya kita tidak mahu rakyat kita terus dianiaya mahupun diberkas di negara orang seperti ini. Dalam konteks ini penulis

FAKTA
12 orang rakyat
kita ditahan
Pasukan Sempadan
Australia kerana
tinggal lebih masa



Biarkan saja hujan emas di negara orang

sejenak apa yang kurang dan tidak ada di negara kita sehingga kita terpaksa berhijrah dan mencari peluang pekerjaan di negara orang? Untuk rekod bilangan pekerja asing baik yang sah mahupun yang masuk dan tinggal serta bekerja secara haram di pelbagai sektor di negara kita boleh dikatakan terus mencatatkan peningkatan yang mendadak. Apa maksudnya situasi tersebut? Ini menunjukkan peluang pekerjaan di negara dan bumi bertuah ini cukup banyak sehingga menjadi rebutan warga luar. Jadi alasan kita tidak ada peluang pekerjaan dan terpaksa berhijrah ke luar negara sebenarnya tidak boleh diterima pakai mahupun masuk akal.

Tidak guna juga kita menyalahkan mana-mana pihak jika kita gagal memperoleh peluang pekerjaan di negara ini kerana peluangnya cukup banyak. Jangan sesekali kita



menuduh pekerja asing merampas peluang pekerjaan kita kerana sebenarnya sikap dan ego kita yang menyebabkan majikan terpaksa mengambil pekerja asing bagi memenuhi pasaran

kerja tempatan. Kalau kita sanggup pergi jauh sehingga ke Australia semata-mata untuk bekerja di ladang apalah salahnya kalau kita bersedia dan sanggup bekerja di sektor 3D iaitu bahaya,

kotor dan sukar di negara sendiri yang selama ini disisihkan oleh warga tempatan di mana majikan terpaksa mengambil pekerja asing. Korbanlah sedikit ego demi kemajuan diri dan negara. Jangan terus memberikan pelbagai alasan di negara sendiri sehingga akhirnya menanggung aib di negara orang.

Mungkin tawaran gaji di beberapa sektor pekerjaan di negara kita seperti di sektor pembinaan mahupun perkilangan tidak begitu memberangsangkan mahupun mencapai tahap kehendak dan ekspektasi rakyat kita, namun adakah itu menjadi satu-satunya asas pertimbangan kita? Kita sepatutnya mempertimbang pelbagai faktor lain sebelum membuat keputusan untuk berhijrah keluar seperti aspek keselamatan, maruah diri serta situasi di mana terpaksa berjauhan daripada keluarga.

Sedarlah bukan mudah untuk hidup di negara orang.

Mana mungkin kehidupan di negara orang akan sama dengan negara sendiri. Jangan juga kita nafikan keamanan, keselamatan dan kestabilan negara kita jauh lebih baik dari kebanyakan negara luar. Jadi sekali lagi biarpun hujan emas di negara orang, lebih baik hujan batu di negara sendiri. Jangan kerana tamak habis segala-galanya tergadai di negara orang.

Sesungguhnya negara kita memerlukan tenaga dan kepakaran anak tempatan untuk membangunkan negara ini dari pelbagai aspek. Kita mahu menjadi negara maju mengikut acuan kita sendiri. Itulah kekuatan kita selama ini sejak merdeka lagi. Jadi kita harap rakyat tidak mudah keluar untuk mencari kerja di negara orang sebaliknya terus menabur bakti untuk kemajuan rakyat, bangsa dan negara sendiri. Kalau bukan kita siapa lagi yang akan membantu memajukan negara ini? Sampai bila kita mahu bergantung harap kepada pekerja asing? Secara perlahan-lahan kita perlu mengambil alih peranan pekerja asing di pelbagai sektor di negara ini. Hal ini hanya boleh berlaku jika kita ketepikan sikap tamak, ego dan memilih pekerjaan. Biarlah hujan emas di negara orang, lebih baik hujan batu di negara sendiri.